

Presiden Vietnam bertemu para uskup, kukuhkan kesepakatan

KOTA HO CHI MINH, Vietnam: Presiden Vietnam, Vo Van Thuong mengadakan pertemuan dengan uskup Katolik negara itu untuk mengucapkan terima kasih kepada Gereja atas peranannya semasa pandemik Covid-19.

Presiden itu turut menceritakan pengalaman lawatannya ke Vatikan baru-baru ini bagi mengukuhkan hubungan Vietnam-Vatikan, termasuk kemungkinan membuka sekolah Katolik.

Pertemuan dengan para klerus itu diadakan di ibu pejabat Konferensi para Uskup Katolik Vietnam (CBCV), Ho Chi Minh pada Ogos 7.

Văn Thường diiringi oleh sepuluh pegawai kerajaan manakala perwakilan Gereja terdiri daripada sembilan uskup yang diketuai oleh presiden CBCV, Uskup Agung Joseph Nguyễn Năng dari Ho Chi Minh City, bersama lima paderi dan dua biarawati.

Lawatan itu dibuat selepas presiden Vietnam bertemu dengan Sri Paus Fransiskus



Presiden Vietnam, Vo Van Thuong (baris pertama, tiga dari kanan) bergambar bersama dengan anggota Konferensi para Uskup Vietnam pada Ogos 7, 2023. Gambar: ucanews.com.

di Vatikan dan menandatangani perjanjian penting pada Julai 27, yang membolehkan wakil Sri Paus menetap di negara itu dan membuka pejabat di Vietnam buat kali per-

tama sejak Perang Vietnam berakhir pada 1975.

Vietnam, sebuah republik sosialis, mengukuti sistem satu parti yang dipimpin oleh

Parti Komunis Vietnam. Ia menyokong komunisme yang menekankan ideologi Hồ Chí Minh iaitu prinsip Marxisme–Leninisme sebagai panduan parti dan negara.

Lawatan pertama Văn Thường ke ibu pejabat konferensi para ukups dilihat sebagai langkah penting untuk komuniti Katolik, memandangkan permusuhan wujud antara Gereja dan negara sejak 1975.

Văn Thường berkata usaha bersama Parti Komunis yang memerintah, negara dan rakyat di Vietnam telah meraih pencapaian penting dalam semua bidang, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA) yang dikendalikan kerajaan.

Beliau turut menekankan sumbangan umat Katolik kepada kejayaan ini, terutama dalam bidang kebajikan sosial, amal kasih, pencegahan dan kawalan pandemik, penyebaran semangat kemanusiaan, dan nilai-nilai murni negara amnya dan masyarakat. — ucanews.com

AI untuk pelayanannya keamanan, keadilan

TAKHTA SUCI: Vatikan mengumumkan pada Ogos 8 lalu bahawa pesan damai tahunan Sri Paus Fransiskus untuk 2024 akan memberi tumpuan kepada kecerdasan buatan (AI/ Artificial Intelligence).

Kenyataan daripada Dikasteri Vatikan untuk Mempromosikan Pembangunan Insan Bersepadu pada Ogos 8, menggambarkan “keperluan mendesak” untuk membimbing pembangunan dan penggunaan kecerdasan buatan dengan cara yang lebih bertanggungjawab, yang memerlukan “refleksi” etika untuk diperluaskan kepada bidang pendidikan dan undang-undang.”


“Sri Paus Fransiskus menyeru dialog terbuka mengenai teknologi baharu ini, yang adalah berkat tetapi ia juga berkemungkinan mengganggu dan memberi kesan yang tidak seimbang,” katanya.

Pejabat Vatikan menyatakan bahawa teknologi kecerdasan buatan mempunyai “impak yang semakin meningkat pesat ke atas aktiviti manusia, kehidupan peribadi dan sosial, politik dan ekonomi”.

Oleh itu, Bapa Suci menyeru kewaspadaan untuk memastikan pembangunan teknologi menyumbang kepada “promosi keadilan dan keamanan di dunia”.

Bertahun-tahun sebelum keluaran sistem chatbot GPT-4 yang dibangunkan oleh OpenAI yang mula beroperasi di San Francisco, Vatikan sudah banyak terlibat dalam dialog tentang etika kecerdasan buatan, menganjurkan perbincangan di pelbagai peringkat dengan saintis dan eksekutif teknologi mengenai etika kecerdasan buatan pada 2016 dan 2020.

Sri Paus Fransiskus juga berulang kali menyeru untuk



AI harus digunakan secara beretika demi kebaikan dan kesejahteraan manusia dan alam ciptaan Tuhan.

menjadikan “maruah intrinsik setiap lelaki dan setiap wanita sebagai kriteria utama dalam menilai teknologi baharu muncul.”

Satu lagi usaha Vatikan untuk menekankan etika dalam kecerdasan buatan ialah menerbitkan buku panduan etika setebal 140 halaman untuk industri teknologi.

Buku ini diterbitkan oleh Institut Teknologi, Etika dan Budaya (ITEC) di Universiti Santa Clara California.

Kenyataan dari Dikasteri Vatikan untuk Mempromosikan Pembangunan Insan Bersepadu diakhiri dengan men-

yatakan bagaimana “perlindungan martabat seseorang, dan kepedulian terhadap persaudaraan yang secara efektif terbuka bagi seluruh keluarga manusia,” merupakan “syarat yang sangat diperlukan untuk perkembangan teknologi bagi menyumbang dalam mempromosikan keadilan dan perdamaian di dunia.”

Hari Keamanan Sedunia — yang dimulakan oleh Sto. Paulus VI pada tahun 1968 — disambut setiap tahun pada Januari 1, sempena Hari Raya Maria Bonda Tuhan. — media Vatikan

Boleh bergantung pada diri sendiri adalah ilusi

Beberapa tahun yang lalu, saya menghadiri pengebumian seorang lelaki yang meninggal dunia pada usia sembilan puluh tahun. Dari setiap perbualan yang saya dengar, mendingan merupakan seorang lelaki yang baik, kuat agama, bapa kepada keluarga yang besar, seorang yang dihormati dalam masyarakat, dan seorang lelaki yang pemurah.

Selain itu, beliau juga seorang yang tegas, seorang yang berbakat, seorang pemimpin yang semula jadi dan dapat memimpin sesebuah perkumpulan dengan baik. Maka tidak hairanlah, beliau memegang beberapa jawatan penting dalam masyarakat. Dia seorang yang sangat bertanggungjawab.

Salah seorang anak lelakinya, seorang paderi Katolik, menyampaikan homili pada pengebumiannya. Dia memulakan dengan kata-kata ini: Kitab Suci memberitahu kita bahawa jumlah hidup seseorang ialah tujuh puluh tahun, lapan puluh tahun bagi mereka yang kuat.

Bapa kami hidup selama sembilan puluh tahun. Mengapa tambahan dua puluh tahun? Nah, ia bukan misteri. Dia terlalu kuat dan terlalu bertanggungjawab terhadap sesuatu sehingga untuk mati pada usia tujuh puluh atau lapan puluh tahun. Tuhan mengambil masa tambahan dua puluh tahun untuk menenangkannya. Inilah yang berlaku sebenarnya.

Sepuluh tahun terakhir hidupnya adalah tahun 'kemerotannya'

yang besar. Isterinya meninggal dunia, dan dia tidak pernah melupakannya. Dia diserang angin ahmar yang menyebabkan dia perlu dibantu untuk menjalani kehidupan rutin dan ini adalah tamparan hebat kepadanya.

Kemudian dia menghabiskan tahun-tahun terakhir hidupnya bersama seseorang yang untuk menjaga keperluan asas tubuhnya. Bagi lelaki seperti dia, ia memerlukan kerendahan hati yang amat dalam. Tetapi ini adalah kesan daripada semua itu. Kesukaran itu melambutkannya.

Pada tahun-tahun terakhirnya, setiap kali anda melawatnya, dia akan memegang tangan anda dan berkata, "tolong saya". Dia tidak mampu mengucapkan kata-kata itu sejak dia berumur lima tahun kerana sejak usia kecil dia boleh berdikari, boleh mengikat tali kasutnya sendiri.

Apabila dia meninggal dunia, dia sudah bersedia. Apabila dia bertemu dengan Yesus dan Sto Petrus, saya pasti dia hanya menghulurkan tangan dan berkata, "tolong saya". Sepuluh dan dua puluh tahun yang lalu, saya pasti, dia telah memberi Yesus dan Petrus beberapa nasihat tentang bagaimana mereka boleh mengendalikan gerbang mutiara dengan lebih cekap.

Itulah perumpamaan yang berbicara dan secara langsung bercakap tentang sebuah tempat yang kita semua harus tiba, sama ada melalui pilihan proaktif atau dengan berserah mengikut keadaan; kita semua



akhirnya akan datang ke tempat di mana kita akhirnya dapat mengerti dan menerima bahawa kita tidak selamanya dapat berdikari, bahawa kita memerlukan bantuan, bahawa kita memerlukan orang lain, bahawa kita memerlukan komuniti, bahawa kita memerlukan rahmat, bahawa kita memerlukan Tuhan. Mengapa ini penting? Kerana kita bukan Tuhan dan kita menjadi bijak dan lebih penyayang apabila kita menyedari dan menerima kenyataan ini.

Ahli teologi Kristian klasik mendefinisikan Tuhan sebagai makhluk yang berdikari, dan menekankan bahawa hanya Tuhan yang berdikari. Hanya Tuhan sahaja yang tidak memerlukan sesuatu selain daripada diri-Nya.

Segala-galanya, segala-galanya yang bukan Tuhan, ditakrifkan sebagai kontingen, sebagai tidak berdikari, sebagai memerlukan

sesuatu di luar dirinya untuk mewujudkan dan mengekalkan kewujudan pada setiap detik.

Itu kedengarannya seperti teologi abstrak, tetapi ironinya, kanak-kanak kecil memahaminya dan menyedari tentang hal ini berbanding orang dewasa.

Anda tahu bahawa kanak-kanak bergantung pada orang tua untuk memenuhi keperluan mereka dan mereka adalah hadiah untuk kita. Mereka tahu mereka perlukan bantuan.

Walau bagaimanapun, tidak lama selepas mereka belajar mengikat tali kasut sendiri, kebergantungan terhadap orang lain mula pudar dan apabila mereka meningkat menjadi remaja dan kemudian dewasa, terutamanya jika mereka sihat, kuat, dan berjaya, mereka mula hidup dengan ilusi berdikari.

Saya boleh menyediakan apa sahaja untuk diri saya sendiri! Dan, itu sebenarnya memberi manfaat kepada mereka yang mencari pendapatan untuk meneruskan kehidupan.

Tetapi ia tidak melayani kebenaran, komuniti, cinta, atau jiwa. Ia adalah ilusi, ilusi terhebat dari semua ilusi.

Tiada seorang pun daripada kita akan memasuki komuniti secara mendalam selagi kita sembuh dari ilusi bahawa kita tidak memerlukan orang lain! Saya boleh bergantung pada diri sendiri! Saya sendiri memilih apa yang berguna untuk hidup saya!

G.K. Chesterton pernah menulis bahawa dalam semua ilusi ialah kelaziman atau kebiasaan. Dia betul, dan perkara yang paling kita kenali ialah kita menyangka kita boleh menjaga diri kita sendiri dan mempercayai bahawa diri kita sudah memadai, tidak perlu lagi orang lain.

Seperti yang kita tahu, ini mungkin memberi manfaat kepada kita dari segi kemajuan dalam hidup. Namun, mujurlah, meskipun perit, Tuhan dan alam sentiasa bekerjasama untuk mengajar kita bahawa kita tidak dapat bergantung kepada diri sendiri sahaja.

Proses kedewasaan, penuaan, dan akhirnya mati mempunyai tujuan untuk mengajar kita, sama ada kita menerima pengajaran ini atau tidak, bahawa kita tidak bertanggungjawab, bahawa sara diri adalah ilusi.

Akhirnya bagi kita semua, akan tiba satu hari apabila, seperti yang berlaku sebelum kita boleh mengikat tali kasut kita sendiri, kita perlu menghulurkan tangan dan berkata, "tolong saya."

Ahli falsafah Eric Mascall pernah menyatakan pepatah yang mengatakan kita tidak bijak dan tidak matang selagi kita menganggap hidup sebagai sesuatu yang mudah. Kita menjadi bijak dan matang dengan tepat apabila kita menerimanya sebagai pemberian — oleh Tuhan, oleh orang lain, dengan cinta. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Kita semua satu di dalam Kristus

Berita-berita seperti isteri didera suami atau martabat wanita tidak dihormati bukan sahaja menjentik perasaan kurang senang atau marah di kalangan wanita.

Tetapi, sejak dahulu lagi, wanita sering dipandang rendah dan ditanam ke dalam pemikiran masyarakat bahawa wanita adalah kaum yang lemah, bodoh atau kaum yang perlu patuh pada kehendak kaum lelaki. Contohnya, ada terdapat doa Yahudi ortodoks yang bermaksud, "Terima kasih Tuhan kerana Engkau tidak mencipta ku sebagai wanita."

Di kalangan Gereja kita pula, Santo Augustine percaya bahawa wanita tidak diciptakan melalui gambaran Tuhan. Malah agak mengejutkan pula Santo Thomas Aquinas, bapa pujanga Gereja kita yang termasyhur itu menganggap wanita sebagai "Lelaki-lelaki yang tidak sempurna."

Martin Luther pula pernah berkata, "Tuhan mencipta Adam, tuan bagi segenap makhluk tetapi Hawa telah menjahanamkannya." Dan jangan lupa juga di dalam alkitab tentang kisah Samson menjadi tidak berdaya kerana se-

orang wanita yang bernama Delila.

Di dalam segala ungkapan negatif tentang kaum wanita sejak dahulu, di luar mahupun dari dalam tradisi agama kita sendiri, lalu kita mulai tertanya-tanya bagaimana pula respons Yesus sendiri terhadap kaum wanita yang diwakili oleh wanita dari Kanaan dalam Injil hari ini. Wanita tersebut adalah wanita yang dipinggirkan atas dua sebab. Pertama dia adalah wanita yang berada di dunia lelaki. Kedua dia bukan Yahudi maka dianggap sebagai orang yang tidak suci.

Namun kita perlu memuji wanita tersebut kerana berani mengatasi halangan sosial tersebut dan datang kepada Yesus dengan permohonan untuk menyembuhkan anak perempuannya yang kerasukan itu.

Pada mulanya Yesus menolak untuk membantunya kerana Dia menganggap misi-Nya sebelum Ia wafat adalah untuk pergi kepada anak domba yang hilang di antara orang-orang Yahudi. Maka Yesus berkata, "Tidak patut mengambil roti yang disediakan bagi anak-anak dan melemparkannya kepada anjing."

Namun wanita tersebut tidak berputus asa lalu membalas alasan Yesus tersebut dengan bijak, "Benar, Tuhan, namun anjing itu makan remeh-remeh yang jatuh dari meja tuannya."

Wanita tersebut mengatakan kata-kata tersebut dengan penuh hormat tanpa rasa marah apa lagi benci terhadap Yesus yang mengungkapkan kata-kata yang boleh menyinggung perasaan itu.

Yesus begitu terharu akan sikap wanita yang sederhana dan penuh kepercayaan terhadap-Nya itu dan Dia memuji wanita tersebut, "Ibu, besar iman mu, maka jadilah kepada mu seperti yang kau kehendaki."

Sebenarnya wanita tersebut bersikap lurus dan berterus terang dalam mengutarakan permohonannya. Dalam hal ini Yesus pun cukup terbuka. Dia berkeputusan untuk menerima permohonannya sambil Dia sendiri menghargai sikap wanita tersebut.

Suatu hal lagi mengenai wanita Kanaan itu ialah kemampuannya memahami ucapan/perkataan Yesus bukan seperti orang Farisi dan ahli taurat yang keras kepala dalam kebodohnya.

Melalui perhubungan Yesus

HARI MINGGU BIASA KE-20 TAHUN A

YESAYA 56:1, 6-7
ROMA 11:13-15, 29-32
INJIL MATIUS 15:21-28

dengan wanita Kanaan tersebut, kita diberi pengajaran bagaimana seharusnya menerima dan bekerjasama dengan wanita sebagai teman seperjuangan di dalam hidup ini.

Paulus sendiri telah mengajarkan kita bahawa di dalam Yesus, "Tidak ada laki-laki atau perempuan, kerana kamu semua adalah satu di dalam Kristus" (Gal 3:28).

Pada zaman yang serba canggih ini, segala kisah-kisah negatif mengenai wanita seharusnya sudah lenyap ditelan zaman. Kita dipanggil untuk saling menghargai dan menerima satu sama lain sebagai anak-anak Tuhan.

Khususnya kaum lelaki, lebih baik bekerjasama dengan wanita daripada menganggap mereka bodoh dan sesuai menganggotai kelab isteri taat.

Kerjasama memerlukan pengambilan keputusan secara

bersama tanpa pandang kaum lelaki atau wanita.

Kita perlukan sentuhan wanita lebih-lebih lagi segi emosi dan kepintaran mereka yang bersifat keibuan, halus, sederhana dan penuh cinta kasih itu.

Kita tidak nafikan wanita mempunyai banyak kemahiran yang kurang dimiliki oleh kaum lelaki, terutama dalam membela kehidupan daripada menghapuskannya. Mungkin kalau pemimpin-pemimpin dunia adalah wanita, maka peperangan menggunakan senjata pemusnah akan berkurangan.

Maka lelaki dan wanita dipanggil untuk berjalan bersama sebagai rakan kongsi di Millennium yang serba digital ini sebab, "Tidak ada laki-laki ataupun perempuan, kerana kamu semua adalah satu di dalam Kristus Yesus" (Gal 3:28).— *santapan rohani*

Tuhan menebus dunia kita

KOTA KINABALU: Pada Ogos 4 hingga 5 lalu, Diakon Dr Sherman Kuek dari Keuskupan Melaka Johor telah meluangkan masa selama tiga hari bersama umat di Keuskupan Agung Kota Kinabalu untuk seminar Tuhan Menebus Dunia kita untuk siri ketiga.

Seminar siri pertama telah diadakan pada tahun lalu dan siri kedua pula telah melabuhkan tirainya pada bulan Mei, 2023.

Program ini merupakan anjuran Bersama Kelompok Doa Bahasa Malaysia (KDBM) Katedral Hati Kudus.

Siri ketiga membawa tema, "Sang Penyelamat yang Ditunggukan" telah menerima seramai 250 peserta umat di sekitar paroki Katedral Hati Kudus dan terdapat juga beberapa peserta dari Johor Baharu.

Dalam seminar ini Diakon Sherman menjelaskan secara terperinci tentang cara Tuhan menyelamatkan manusia dari kejatuhan



Siri Ketiga Seminar Tuhan Menebus Dunia Kita dihadiri lebih 200 peserta pada Ogos 4-5, 2023 di Katedral Hati Kudus.

melalui kedatangan-Nya sebagai manusia iaitu Yesus Kristus.

Para peserta juga mempelajari satu-satunya jawapan bagi pengharapan umat Israel dan manusia sejagat yang telah jatuh ke dalam belenggu dosa.

Semasa ditemurah, Diakon Sherman berharap agar semua umat telah dapat memahami iman mereka sedalam-dalamnya agar

dapat mencintai Tuhan, menyembah Dia dan terus hidup di dalam terang Kristus.

Tegasnya, "Iman kita ini bukanlah bersifat emosi sebaliknya iman Iman adalah kebajikan ilahi, kerana iman ini, kita percaya akan Tuhan dan segala sesuatu yang telah disampaikan-Nya kepada kita dan Gereja.

Jadi langkah awal untuk beriman dengan baik, adalah dengan mengenali dan mem-

pelajari kebenaran firman Tuhan. Tanpa komitmen yang kukuh untuk mempelajari iman ini secara terus-menerus, kita tidak akan dapat menghayati iman ini dengan cara yang lebih penuh," jelas Diakon Sherman.

Seminar siri ke empat akan diadakan pada tahun hadapan iaitu pada bulan Mei 2024. — *Aveil Olga*

Penubuhan KUBM pertama di St Jude, Rawang

RAWANG: Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA) telah meneruskan program Jangkauan untuk paroki-paroki di bawah Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Kali ini, paroki yang dipilih ialah Paroki St Jude Thaddeus di Rawang, Selangor. Seramai 40 orang dewasa dan 40 anak-anak yang berumur 16 tahun ke bawah telah hadir untuk formasi yang telah berlangsung pada Julai 22 -23

yang lepas.

Formasi tersebut telah dimulakan dengan kata-kata aluan daripada Paderi Paroki, Fr Vincent Thomas.

Kemudian, Egbert Adolf Naintin, selaku Pengerusi ABMA telah memperkenalkan kepada para peserta akan pelayan ABMA di bawah Keuskupan Agung Kuala Lumpur melalui ABMA *Handbook* yang telah diterbitkan

pada Jun 2023.

Formasi "Pengalaman Kerohanian Komuniti" mempunyai empat sesi topik perbincangan.

Sesi yang pertama iaitu "Siapakah Saya" telah disampaikan oleh Spencer Klumai, sesi kedua dikendalikan oleh

Sesi kedua mempunyai dibahagikan kepada dua bahagian iaitu "Siapakah Yesus Kristus" oleh Liza Dusin dan "Mengetahui bahawa

Tuhan telah memilih saya, bagaimana saya merasakan kehadirannya hari ini" oleh Nozie Valerie.

Egbert dan Elena Woo mengongsikan dua sub topik untuk sesi ketiga iaitu "Kerohanian komuniti terserlah di dalam kerjasama ministri/komuniti" dan "Cabaran perjalanan kita".

Setiap sesi diselitkan perbincangan dalam kumpulan dan selepas itu, peserta dari setiap kumpulan membuat perkongsian terbuka.

Sesi keempat yang dipimpin oleh Spencer, merupakan sesi peneguhan untuk para peserta. Pada masa yang sama juga, anak-anak para peserta mengikuti sesi mereka yang tersendiri yang dibimbing oleh Sr. Irene, Sr. Stella, Sr. Sylvia, Sr. Theresa dan Sr. Anita.

Aktiviti ini diteruskan dengan pemilihan jawatankuasa tertinggi Komuniti Umat Berbahasa Malaysia (KUBM) di paroki St Jude, Rawang yang menyaksikan Carlson bin Said selaku Pengerusi KUBM St Jude yang pertama. — *Elena Woo*



Tim ABMA dengan umat KUBM St. Jude yang hadir ke Formasi "Pengalaman Kerohanian Komuniti"

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Apa itu Adorasi Sakramen Mahakudus

Soalan: Keluaran lalu (Ogos 13, 2023), *HERALD* telah menyiarkan seruang mende-sak Bapa Suci Fransiskus untuk mempopularkan semula Adorasi Sakramen Mahakudus. Apa itu Sakramen Mahakudus dan bagaimana kita seharusnya berdoa di hadapan Sakramen Mahakudus?

Jawaban: Adorasi Sakramen Maha Kudus adalah tindakan penyembahan kepada Tuhan yang hadir dalam rupa Hosti yang telah dikonsekrasikan. Berpegang pada janji yang diberikan oleh Yesus dalam Perjamuan Terakhir, yang mengatakan, "Inilah Tubuh-Ku" dan "Inilah Darah-Ku", dan oleh kuasa Roh Kudus, maka dalam doa konsekrasi yang diucapkan para imam, hosti diubah menjadi Tubuh Kristus, dan anggur menjadi Darah Yesus.

Dengan demikian hosti yang telah dikonsekrasikan oleh Sabda Tuhan itu menjadi Tubuh Kristus, Sang Allah Putra. Dengan demikian, berdoa di hadapan Sakramen Ekaristi tersebut, sama dengan berdoa di hadapan Allah sendiri. Penghormatan terhadap Sakramen Maha Kudus ini dilakukan setiap kita berlutut ataupun memberikan hormat di hadapan tabernakel yang di dalamnya diletakkan sakramen Maha Kudus, menghormat sebelum menerima Ekaristi/ Komuni dalam Misa Kudus, ataupun pada saat Sakramen Maha Kudus ditahtakan.

"Kami datang untuk menyembah Dia" (Mat 2:2)

Penghormatan kepada Sakramen Maha Kudus mempunyai dasar dari Kitab Suci, yaitu bagaimana kita ingin mengikuti teladan para gembala dan para majus yang menghormati Kristus yang telah lahir dan diam di tengah-tengah kita. St. Paus Yohanes Paulus II dalam surat ensikliknya, (Ecclesia de Eucharistia/ The Church and the Eucharist/ Gereja dan Ekaristi) mengajarkan,

"... pandangan Gereja selalu terus terarah kepada Tuhannya, yang hadir dalam Sakramen di Altar, yang di dalamnya Gereja menemukan pernyataan sempurna akan kasih Tuhan yang tak terbatas." (The Church and the Eucharist, 1)

Saya tidak tahu apa yang harus didoakan semasa Adorasi. Bagaimana?

Berikut merupakan beberapa cadangan bagi mengatasi rasa buntu atau tercari-cari kaedah bagaimana berdoa semasa Adorasi:

1. Berdoa dari kitab Mazmur atau membaca doa Ibadat Harian.

Kita dapat memilih Mazmur yang berisi pujian, ucapan syukur, permohonan ampun ataupun permohonan agar didengarkan Tuhan. Atau kita dapat pula mendoakan Ibadat Harian yang dibacakan oleh Gereja sepanjang tahun.

2) Mengulangi "Doa Yesus".

Mengulangi doa, "Tuhan Yesus, kasihanilah aku, yang berdosa ini." Ulangilah terus, sampai hati dan pikiran anda tenang dan masuk dalam

doa kontemplasi.

3) Membaca Kitab Suci/Merenungkan Kitab Suci (*Lectio Divina*).

4) Membaca riwayat hidup para Santa/ santo dan berdoa bersama dengan mereka terutamanya para kudus yang mempunyai devosi kepada Ekaristi, contohnya St. Teresia dari Lisieux (Teresia Kanak-kanak Yesus), St. Katarina dari Siena, St. Fransiskus Asisi, St. Thomas Aquinas, dan Bunda Teresa dari Kalkuta.

5) Curahkan isi hati kepada Kristus dan sembahlah Dia. Kita dapat pula datang dan mencurahkan isi hati kita kepada-Nya, menyadari bahwa kita berada di dalam hadirat-Nya. Kita berdoa seperti St. Fransiskus Asisi, "Aku menyembah-Mu, O Kristus, yang hadir di sini dan di semua Gereja di seluruh dunia, sebab dengan salib suci-Mu Engkau telah menebus dunia."

6) Mohonlah ampun kepada Tuhan dan berdoa bagi orang-orang lain.

7) Berdoalah rosario.


8) Duduk sajalah dengan tenang dan alami hadirat Tuhan.

Kita dapat pula duduk tenang dalam hadirat Tuhan seperti halnya kita sedang mengunjungi seorang sahabat. Duduk tenang di hadapan-Nya, dan nikmatilah hadirat-Nya. Daripada bercakap-cakap dengan-Nya, kita dapat pula diam, dan berusaha mendengarkan apa yang hendak disampaikan-Nya.

● *Bersambung pada minggu hadapan*

Sahabat kecil Yesus

Bantu kanak-kanak di bawah untuk mencari jalan bertemu dengan Yesus.




Struktur ayat pada gambar di bawah adalah tidak tepat. Susun semula ayat dalam dialog tersebut bagi membaca pesan Yesus.




WANITA KANAAN YANG PERCAYA (MATIUS 21-28)

Mari mewarna



Lengkapkan doa Kemuliaan di bawah. Ungkapkan doa ini sebelum tidur atau semasa merayakan sebuah peristiwa yang menggembirakan.



Hello adik-adik,

Salam damai dan antie mengharapkan semua adik-adik dalam keadaan yang sihat serta ceria.

Adik-adik, Injil pada hari Minggu ini mengisahkan tentang seorang ibu berbangsa Kanaan yang dalam kesusahan.

Ibu itu risau dan bimbang akan

anak perempuannya yang mengalami kerasukan.

Dia tahu, hanya Yesus yang dapat mengusir kuasa jahat daripada tubuh anaknya.

Pada mulanya Yesus tidak mengendahkan wanita itu, tetapi wanita itu tidak berhenti-henti merayu kepada Yesus.

Dalam hal ini, kelihatan Yesus

sungguh 'kejam' kerana tidak berasa kasihan pada ibu yang kesusahan itu.

Semoga adik-adik juga tidak memikirkan hal yang negatif ketika membaca petikan Injil ini.

Auntie percaya, dalam hatinya, Yesus sudah pun menyembuhkan anak kepada wanita Kanaan itu dan sangat berbelas kasihan

kepada anak dan juga si ibu.

Yesus menggunakan peristiwa itu untuk mengajar orang-orang yang ada di situ, bahawa mereka harus merendahkan hati, setia dan ber-sungguh-sungguh berdoa kepada Tuhan.

Salam Sayang Antie Melly

BELIA MILENIUM



INFLUENCER KATOLIK DISERU WARTAKAN YESUS DI RUANG MAYA



LISBON: "Gereja memerlukan Landa, wahai para pemimpin digital (*Digital influencer*) yang dihormati, untuk menjadi raga harapan dalam ruang baharu pembinaan sosial melalui jaringan sosial dan digital."

Pada masa ini, kita tidak lagi mempersoalkan adakah kita akan berinteraksi dengan budaya digital atau tidak tetapi lebih kepada, "adakah kita tahu etika menggunakannya?"

Semasa hari keempat Hari Belia Sedunia (WYD), Kardinal José Tolentino de Mendonça, ketua Dikasteri untuk Budaya dan Pendidikan, menjemput ratusan pem-

engaruh digital untuk misi "menjadikan budaya mewartakan Yesus dalam dunia digital hari ini di Universiti Katolik Portugal Lisbon.

WYD ke-37 menurut Kardinal de Mendonça menawarkan peluang untuk mengenali "tetangga digital" kita, kerana ia menghimpunkan ratusan ribu orang muda secara bersemuka, selain kesempatan "untuk menunjukkan kepada dunia bahawa peperangan, kediktatoran sikap acuh tak acuh dan ketidakaksamaan antara manusia tidak dapat dielakkan."

Oleh itu, golongan muda boleh merealisasikan impian Sri Paus Fransiskus yang sering menyeru betapa perlunya membina "budaya pertemuan" dan "mencabar kita

Pempengaruh Katolik diseru belajar daripada Yesus bagaimana mempengaruhi orang lain.

untuk menjadi protagonis dalam menjangkau semua orang serta memupuk semangat persaudaraan.

Hanya Yesus yang akan menjadikan kita influencer sejati'

Kardinal Luis Antonio Tagle, Ketua Bersama Prefek untuk Peningkatan, menyatakan harapannya agar pempengaruh digital dapat mencari "cara untuk memahami dan mengamalkan pengaruh berasaskan Injil atau, lebih baik lagi, untuk belajar daripada Yesus bagaimana mempengaruhi orang lain."

Kardinal berasal dari Filipina itu menjemput pempengaruh Katolik untuk memimpin uskup, paderi, rohaniwan serta

rakan-rakan belia mereka bahawa "setiap *influencer* Katolik harus terlebih dahulu dipengaruhi oleh Yesus dan Injil. Hanya Yesus yang akan menjadikan kita sebagai pempengaruh sejati lebih-lebih lagi dunia sudah mempunyai banyak pengaruh palsu untuk tujuan palsu."

"Sekarang, inilah masa anda. Masa untuk anda jatuh cinta dengan Kristus, menjadikan-Nya pusat dalam cerita peribadi anda," ujar Kardinal Tagle. Setiausaha Dikasteri untuk Komunikasi, Msgr Lucio Ruiz, kemudian meminta Kardinal untuk memberkati para pempengaruh Katolik yang hadir. Beliau menyeru mereka untuk menjadi pempengaruh digital yang berbelas kasihan seperti Santa Perawan. — **media Vatikan**

HARGAI KEHIDUPAN, JANGAN HILANG KEGEMBIRAAN HIDUP



Sri Paus Fransiskus gembira dapat makan bersama degan 10 orang belia.

LISBON: Sebastião, Clara Ysabel, Joana, Luis Carlos, Beatriz, Pedro, Audrey, Hannah, Karam, dan Maria Magdalena ialah nama sepuluh orang peserta Hari Belia Sedunia (WYD) — enam perempuan dan empat lelaki — yang makan tengah hari bersama Sri Paus Fransiskus di Kedutaan Takhta Suci pada Ogos 4.

Mereka berusia 24 hingga 34 tahun, dan berasal dari negara-negara yang berbeza: tiga dari Portugal, dan seorang dari Peru, Filipina, Equatorial Guinea; Amerika Syarikat, Palestin, Colombia dan Brazil.

Kardinal Manuel José Macário do Nascimento Clemente, Patriark Lisbon, dan uskup auxilier, Kardinal Américo Aguiar, presiden Yayasan WYD Lisbon 2023, turut hadir.

Semasa makan, Bapa Suci tidak bertanya tetapi lebih mendengar cerita mereka, menjawab soalan mereka, menjelaskan keraguan

dan menawarkan topik untuk direnungkan.

Sangti Papa juga menggalakkan mereka untuk sentiasa "gembira", seperti orang-orang kudus yang tidak pernah sedih.

Mereka membincangkan beberapa topik: keamanan, pengguguran dan euthanasia, cabaran yang dihadapi golongan muda, dan harapan mereka untuk masa depan.

Luis Carlos, yang bekerja membuat grafik untuk WYD, "Apabila saya melihat Bapa Suci Fransiskus, saya berasa damai dalam diri saya.

"Saya adalah orang pertama yang menyambutnya. Semasa saya hampir menangis kerana terharu bertemu dengannya, Bapa Suci yang menenangkan saya. Kami juga minum kopi Colombia pada penghujung makan tengah hari. Dalam diri Sangti Papa, saya melihat Tuhan menunjukkan diri-Nya dalam cara yang unik!" ujar Luis. — **media Vatikan**

Gereja perlukan kaum muda seperti bumi perlukan hujan

LISBON: Dalam homilinya untuk Misa penutup Hari Orang Muda Sedunia (WYD) di Lisbon, Sri Paus Fransiskus meminta kaum muda untuk bersinar, mendengar dan tidak takut.

Pada Misa penutup untuk Hari Orang Muda Sedunia tahun ini, Sri Paus Fransiskus menggemakan kata-kata para Rasul yang menyaksikan Transfigurasi Kristus di Gunung Tabor: “Adalah baik bagi kita untuk berada di sini!”

Pada masa yang sama, prelatus itu menyeru kaum muda untuk bertanya pada diri sendiri, “Apa yang akan kita bawa kembali ke lembah kehidupan kita sehari-

hari?” Berdasarkan Injil hari itu, Bapa Suci mengusulkan tiga kata kerja: bersinar, mendengar dan tidak takut.

Bacaan Injil menceritakan peristiwa Transfigurasi, di mana Yesus menampakkan diri kepada tiga murid terdekat-Nya dengan wajah bersinar (bercahaya) seperti matahari dan pakaian-Nya berkilau putih, tepatnya untuk mempersiapkan murid-murid-Nya menghadapi jam-jam gelap yang akan mereka hadapi di Getsemani dan Kalvari.

“Kita juga memerlukan cahaya, sinaran cahaya yang diharapkan untuk menghadapi begitu banyak kegelapan yang menyerang kita

dalam hidup,” kata Bapa Suci.

“Terang itu adalah Yesus, kerana Dia adalah terang yang tidak akan malap, terang yang bersinar meskipun pada waktu malam. Yesus yang menerangi mata kita, menerangi hati kita, menerangi fikiran kita, menerangi keinginan kita untuk melakukan sesuatu dalam hidup, selalu dengan terang Tuhan.”

Bapa Suci juga memperingatkan bahawa “kita tidak menjadi cahaya bagi orang lain ketika diri kita sendiri sahaja sebaliknya kita bercahaya atau bersinar ketika menyambut Yesus. Mencintai seperti Yesus: itu membuat kita



Sri Paus Fransiskus melambai tangan kepada peserta WYD.

bercahaya dan Yesus akan menuntut kita untuk melakukan karya-karya belas kasihan.”

Melanjutkan renungannya tentang Transfigurasi, Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa Tuhan memerintahkan para Rasul, untuk mendengarkan Putera terkasih-Nya. “Semuanya ada di sini,” kata Sri Paus, “sjuga harus mendengar Dia. Dengarkan Yesus, setiap rahsia ada di sana.”

Bapa Suci menjelaskan bahawa

jika seseorang tidak yakin tentang apa yang Tuhan katakan kepada mereka, mereka boleh membaca Injil untuk mendengar apa yang Yesus katakan dan mendengarkan apa yang Dia katakan di dalam hati mereka.

“Kerana Dia memiliki kata-kata kehidupan kekal bagi kita. Dia mengungkapkan bahawa Tuhan adalah Bapa, dan Dia adalah cinta. Dia mengajari kita jalan menuju cinta. — *media Vatikan*

Sukacita adalah misionari dan perlu latihan



Bapa Suci Fransiskus dan para belia dalam salah satu acara WYD di Taman Eduardo VII, Lisbon, Ogos 3, 2023. Gambar: Media Vatikan.

LISBON: Tema Hari Orang Muda Sedunia (WYD), “Maria Bangkit dan Bergegas” (Luk 1:39), menjadi dasar katekesis Sri Paus Fransiskus kepada para penziarah muda pada doa Vigil pada Ogos 5.

“Maria melakukan sesuatu yang tidak diminta darinya, sesuatu yang sebenarnya tidak wajib dilakukannya tetapi dia tetap melakukannya. Mengapa?” tanya Bapa Suci.

Prelatus itu menjawab, “Kerana dia mencintai, dan ‘siapa pun

yang mencintai akan terbang, berlari dan bersukacita’.”

Bapa Suci berbicara kepada 1.5 juta penziarah muda yang berkumpul di Lisbon tentang misi membawa sukacita Injil kepada orang-orang di sekeliling kita.

“Sukacita adalah misionari. Jadi, kita semua memiliki kewajiban untuk membawa kebahagiaan itu kepada orang lain.”

Untuk memberikan sukacita kepada orang lain, pertama-tama kita harus mencari sukacita dan

melatih diri kita untuk bersukacita, ujar Sri Paus.

Sri Paus mengatakan memang letih dan sukar menjadi akar kebahagiaan bagi orang lain malah kita mungkin akan jatuh. Tetapi yang penting, adalah bangkit dan mencuba lagi.

“Tidak ada yang percuma dalam hidup; semuanya memerlukan pembayaran,” katanya. “Tetapi hanya ada satu hal yang percuma iaitu kasih Yesus!” — *media Vatikan*

Pertemuan antara agama dan ekumenikal di Lisbon

LISBON: Semasa WYD di Lisbon, Sri Paus Fransiskus terlibat dalam serangkaian pertemuan antara agama dan ekumenikal di mana beliau menyeru kepada semua orang untuk mempromosi persaudaraan dan kepedulian terhadap kesejahteraan spiritual kaum muda.

Prelatus itu mengadakan serangkaian pertemuan singkat dengan tiga delegasi pada Ogos 4.

Sri Paus buat pertama kali bertemu dengan delegasi dari Pusat Dialog Antarabangsa Raja Abdullah bin Abdulaziz untuk Dialog Antara agama dan Antara budaya (KAICIID).

Pusat itu dibuka pada tahun 2012 oleh Arab Saudi, Austria, dan Sepanyol, susulan pertemuan Sri Paus Benediktus XVI pada tahun 2007 dengan Raja Arab Saudi Abdullah.

Bapa Suci kemudian mengadakan audiensi peribadi dengan Rahim Aga Khan, anak lelaki kepada pemimpin komuniti Ismaili, yang berpusat di Lisbon.

Dalam pertemuan lain, Sri Paus menerima kunjungan sekumpulan religius dan orang-orang dari pelbagai agama dan denominasi Kristian yang terlibat dalam usaha ekumenis dan antara gama Gereja di Portugal.

Bapa Suci Paus Fransiskus ber-

terima kasih kepada mereka yang hadir di atas usaha dan karya mereka dalam menghidupi persaudaraan dan terlibat dalam dialog.

Sri Paus Fransiskus juga mengesakan mereka “untuk menjaga kaum muda, yang ‘ceria, tetapi tidak dangkal,’ dan berisiko ‘dibius’ oleh dunia di sekitar mereka.”

Dalam pertemuan terakhirnya sebelum makan tengah hari bersama kaum muda, Sri Paus Fransiskus bertemu sebentar dengan Henrique Cymerman Benarroch, jurnalis Israel yang bekerja sebagai koresponden di Timur Tengah. — *media Vatikan*



Sri Paus bertemu dengan perwakilan antara agama semasa menghadiri WYD di Lisbon. Pertemuan antara agama itu mempromosi semangat persaudaraan dan keamanan.

Jalan Salib WYD: Mendoakan kaum muda yang rapuh

LISBON: Semasa upacara Jalan Salib pada Ogos 4, kaum muda mengidentifikasi kerapuhan yang mereka alami dan dan yang mereka lihat di sekitar mereka. Untuk setiap perhentian Jalan Salib, para penziarah muda WYD mendoakan kerapuhan-kerapuhan tertentu itu.

Di antara ‘kerapuhan’ yang diidentifikasi oleh kaum muda di seluruh dunia ialah kesihatan mental, keganasan, kesendirian, dan kehancuran penciptaan.

“Hari ini anda akan berjalan bersama Yesus,” kata Sri Paus Fransiskus pada permulaan *Via Crucis*, atau Jalan Salib.

Sri Paus kemudian menjemput kaum muda untuk merenungkan perkara-perkara yang membawa kesedihan dalam hidup mereka sambil mengingatkan mereka bahawa “Yesus ada bersama kita, Dia menangi bersama kita, dan Dia menemani kita dalam kegelapan, kesunyian dan ketika kita rasa di-tinggalkan atau diabaikan.

Selepas beberapa minit hening, Bapa Suci Fransiskus memberi keyakinan kepada kaum muda bahawa, “Yesus, dengan kelembu-



tan-Nya, menghapuskan air mata kita yang tersembunyi,” dan sentiasa hadir untuk menghilangkan kesunyian kita, ketakutan kita, dan mengisi kita dengan penghiburan.

Kemudian, Bapa Suci mengajak para belia untuk hening kali kedua, bagi merenungkan penderitaan, kebimbangan, dan kesengsaraan mereka sendiri, serta “keinginan untuk tersenyum semula.” — *media Vatikan*

BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS DI FATIMA, PORTUGAL

Maria selalu menolong kita dengan segera

FATIMA, Portugal: Maria selalu datang membantu kita “dengan segera” dan menunjukkan kepada kita jalan ke depan untuk hidup kita. Sri Paus Fransiskus menyampaikan peringatan ini pada Ogos 5, ketika beliau berbicara kepada sekitar 200,000 penziarah yang berkumpul di tempat penampakan Bonda Maria di Fatima.

Semasa menghadiri Hari Belia Sedunia (WYD) ke-37, Sri Paus memasukkan jadual untuk berdoa di Fatima bagi perdamaian di dunia. Ziarah Sri Paus ke Fatima sebenarnya bukan acara untuk WYD.

Namun kehadiran Sri Paus di mana sahaja mendapat perhatian dan ribuan umat yang terdiri daripada beberapa generasi ibu bapa, nenek dan datuk serta anak dan cucu, berbaris di sepanjang jalan menuju ke Shrine Fatima.

Kemudian, Bapa Suci memimpin doa rosari dengan sekumpulan 100 orang muda yang sakit dan beberapa banduan di Chapel of Apparition dan berdoa dalam hening di hadapan patung Bonda Maria yang meletakkan rosari emas di kakinya.

Gereja tidak memiliki pintu

Sri Paus Fransiskus memulai renunganannya, selepas pembacaan peristiwa rosario yang dibacakan dalam beberapa bahasa, bahawa Chapel of Apparition menawarkan “gambaran yang indah” Gereja-Gereja yang ramah dan terbuka.

“Gereja tidak memiliki pintu, semua orang boleh memasukinya. Ia bagaikan seorang ibu yang selalu memiliki hati yang terbuka untuk semua anaknya, ter-



Seorang pemuda menyentuh wajah Sri Paus semasa prelatus itu mengunjungi Fatima.

buka untuk semua orang dan tidak ada orang yang dikecualikan,” tegasnya.

Maria selalu bergegas ke arah kita

Sri Paus kemudiannya menjelaskan bagaimana Santa Perawan Maria adalah “orang pertama yang melakukan ziarah” setelah Khabar Sukacita.

Selepas dia mengetahuinya sepupunya Elizabet yang sudah lanjut usia sedang hamil, “dia pergi dengan tergesa-gesa”, seperti yang dikatakan Injil kepada kita, kata Sri Paus.

“Maria selalu bergegas kepada kita setiap

kali ada masalah,” katanya. “Setiap saat kita memanggilmnya, dia datang kepada kita, dia bergegas untuk dekat dengan kita, kerana dia adalah Bonda kita.”

“Tetapi,” kata Sri Paus Fransiskus, “Maria tidak pernah mahu menjadi pusat perhatian sebaliknya membawa dan mengalu-alukan kita kepada Yesus sambil berkata: ‘Apa yang dikatakan kepadamu, lakukanlah itu!’”

Selepas berdoa rosari, Bapa Suci kemudiannya duduk di hadapan patung Bonda Maria, berdoa dalam hening pada waktu yang agak lama dan dalam kedukaan, berdoa untuk keamanan. — *media Vatikan*

Yesus sentiasa memberkati hidup anda!

LISBON: Ouweis Sadek adalah salah seorang daripada 25 pelarian yang bertemu dengan Sri Paus Fransiskus di Lisbon pada Ogos 3, iaitu hari kedua Perjalanan Apostolik Bapa Suci ke Portugal untuk Hari Belia Sedunia (WYD).

Sadek berasal dari Syria, dan sebelum bertemu dengan Sri Paus, beliau memberitahu *Media Vatikan* akan kebimbangannya terhadap negaranya: “Jika ada kuasa untuk ‘melepaskan’ Syria dari isolasi, alangkah indahnya.”

Selepas bertemu dengan Bapa Suci, pelajar yang beragama Islam itu merasakan pemimpin Gereja Katolik sejagat itu amat mengambil berat dan mengalukannya.

“Sekarang saya merasakan kesatuan dan kedekatan. Perbezaan agama bukan penghalang kesatuan. Ada pepatah yang berbunyi: ‘kita berasal dari dahan pokok yang sama.’ Pertemuan ini amat bermakna bagi saya.” ujar Sadek.

Peluang untuk Sadek dan pelajar lain untuk mencari kehidupan baharu selepas meninggalkan negara mereka dibantu melalui Tabung Sri Paus Fransiskus yang ditubuhkan pada tahun 2017.

Tabung itu adalah untuk menyokong pelarian dan pendatang.

Dana itu telah menyediakan bantuan untuk 50 pelajar setakat ini. Majoriti yang mendapat bantuan dari Tabung Sri Paus Fransiskus merupakan pelajar berasal dari Libya, Syria, Afghanistan, dan kebanyakan mereka bukan Kristian.

Kemudian pada petang Ogos 4, Bapa



Bapa Suci memberkati salah seorang peserta WYD semasa acara Vigil pada Ogos 5, 2023.

Suci merayakan Jalan Salib WYD yang dihadiri lebih 800,000 penziarah muda di Taman Edward VII.

Claudine, dari Filipina, mendefinisikan pengalaman itu sebagai “mengubah kehidupan.” Dia menyatakan kegembiraannya lebih-lebih lagi dapat melihat Sri Paus buat pertama kali.

“Renungan dan doa di setiap perhentian Jalan Salib WYD adalah kelemahan-kelemahan serta harapan yang menurut kaum muda, perlu didengar dan ditangani,” kata Fr Luca dari Keuskupan Como, Itali.

Andrey, 18, dari Slovakia, berkata dia berasa “diberkati” menyertai Jalan Salib

WYD dan apa yang didoakan semasa Jalan Salib WYD adalah sesuatu yang “ramai kaum muda di luar sana perlu dengari dan apa yang kemahuan mereka yang perlu didengar.”

Pada hari kelima, semasa doa Vigil bersama Sri Paus, Marta, 18, dari Mozambique mengatakan tempatnya di utara negara itu merupakan pusat keganasan kumpulan-kumpulan teroris.

“Tetapi kami tidak pernah kehilangan iman kami. Dan semasa menghadiri WYD, iman saya diteguhkan apabila 1.5 juta kaum muda mengelilingi saya, menyokong saya dengan doa dan semangat persahabatan!” — *media Vatikan*

PENULIS BERKICAU

Perjalanan empat tahun ke hadapan

Pelbagai reaksi menarik yang saya perhatikan semasa Sri Paus Fransiskus mengumumkan Korea merupakan tuan rumah Hari Belia Sedunia (WYD) pada tahun 2027!

Sejurus selepas pengumuman itu, ramai belia yang terus membuka laman web syarikat-syarikat penerbangan untuk mencari maklumat tambang ke Korea.

Malah ada yang sudah nekad, jika kuota Keuskupan untuk menghadiri WYD di Korea sudah penuh, mereka mahu pergi atas nama ‘persendirian’.

Namun begitu, di peringkat Gereja Malaysia, sebelum kita memikirkan untuk ‘terbang’ ke Korea, terlebih dahulu kita mempunyai beberapa acara besar lebih-lebih lagi pada tahun 2025 dan 2026!

Pada tahun 2025, kita akan merayakan Perhimpunan Belia Salib Malaysia (MYC) dan Perhimpunan Pastoral Malaysia (MPC) pada tahun 2026.

MPC 2026 merupakan perhimpunan para Uskup, paderi, religius dan umat awam dari seluruh Keuskupan/Agung di Malaysia yang akan menumpukan empat cabaran utama yang mempengaruhi Gereja di Malaysia: Keluarga, Gereja, Sosial dan Ekologi.

Dan juga mari kita perhatikan bahawa dua bulan dari sekarang, Sinode Biasa para Uskup ke-16 akan berlangsung di Roma di mana ia memecahkan kelaziman apabila turut disertai kaum wanita dan golongan bukan uskup.

Malah dua perwakilan dari negara kita telah dipilih secara peribadi oleh Sri Paus Fransiskus sebagai *Voting Members* (Ahli Mengundi) untuk sidang para uskup sedunia itu pada bulan Oktober ini.

Menuju WYD 2027

Sudah tentu, kini kita boleh memasukkan acara WYD 2027 dalam diari rohani kita. Dalam keterujaan mahu terbang ke Korea empat tahun lagi, jangan lupa kehangatan WYD 2023 di Lisbon yang mempunyai banyak keunikannya dan 1.5 juta belia yang menghidupkannya telah mengalami pengalaman ‘yang mengubah kehidupan’!

Dalam salah satu acara, Sri Paus Fransiskus menyeru bahawa “ada ruang Gereja adalah untuk semua orang... semua orang.”

Apakah yang dimaksudkan dengan “ada ruang Gereja adalah untuk semua orang...?”

Sebagai penjelasan, Sri Paus berkata, “Tidak ada yang sia-sia; tidak ada yang sempit, tidak ada yang luas; ada ruang untuk semua orang. Apabila ada orang yang mengatakan, ‘Saya berdos, tidak ada tempat untuk saya di Gereja’ — ini tidak benar kerana Tuhan mengasihi kita; Tuhan mengasihi kita apa adanya, bukan seperti yang kita inginkan atau seperti yang diharapkan oleh masyarakat. Dia mengasihi kita dengan kelemahan, keterbatasan, dan keinginan untuk maju dalam kehidupan. Tuhan memanggil kita dengan cara ini: percayalah kerana Tuhan adalah Bapa, dan Dia adalah bapa yang mengasihi kita. Oleh itu sentiasa ada ruang dan tempat untuk semua orang di Gereja”

Semoga “ada ruang untuk semua orang” menjadi kunci penginjilan kita dan dalam kita mempersiapkan diri kita menuju Perjalanan Salib Malaysia (MYC 2025) dan MPC 2026 dan sudah tentu WYD 2027 di Korea!

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Pendidik Katolik diseru utamakan kebaikan



Pendidik Katolik berhimpun di Gereja Immaculate Conception pada Julai 22 lalu.

JOHOR BAHRU: Guru-guru Katolik memainkan peranan penting dalam membentuk hati dan minda generasi akan datang, menyemai pengetahuan akademik, dan membimbing pelajar ke arah pertumbuhan rohani serta pemahaman lebih mendalam tentang nilai Kristian.

Persatuan Guru Katolik Johor mengadakan mesyuarat tahunannya di Gereja Immaculate Conception pada 22 Julai yang turut dihadiri oleh Uskup Bernard Paul.

Dalam ucapannya, prelatus mengingatkan semua guru Katolik untuk melihat kebenaran, kebaikan, dan keindahan dalam profesion perguruan mereka.

Penyelaras *Southern Infant Jesus* dan wakil MJ-MSK Elizabeth Chong dan pengerusi Majlis Pendidikan Lasallian Wilayah bagi Negeri Sembilan, Melaka,

dan Johor, Vivienne Cheong adalah penceramah jemputan.

Tema ceramah mereka ialah "Panggilan untuk Mengajar, Mengajar dari Hati."

Para pendidik Katolik diamanahkan untuk menjunjung misi, visi, dan nilai-nilai Kristian sekolah mereka, memupuk iman dan integriti.

Pembaptisan menandakan permulaan ke dalam iman Kristian dan datang dengan tiga hadiah yang bermakna.

Mengajar bukanlah pekerjaan semata-mata; ia adalah panggilan daripada Tuhan untuk memberi impak positif kepada kehidupan.

Pendidik Katolik harus melihat profesion mereka sebagai satu kerjaya, merangkul peranan mereka dalam membentuk peribadi, sikap dan nilai-nilai baik generasi akan datang.

Untuk mewujudkan peribadi

dan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat, guru-guru Kristian harus mencontohi Kristus di dalam dan di luar bilik darjah.

Dengan menunjukkan kasih, belas kasihan, dan kesabaran Kristus, mereka mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sejahtera serta selamat.

Guru-guru Katolik juga diseru agar menerapkan nilai-nilai Kristian dalam perkataan dan perbuatan mereka sehari-hari agar murid atau orang yang melihat, dapat mencontohi amalan baik mereka.

Dengan mengamalkan prinsip-prinsip murni ini, guru-guru Katolik memenuhi tanggungjawab mereka kepada Kristus, menjadi seperti Kristus dalam perkataan dan tindakan mereka di dalam sekolah yang dapat meninggalkan kesan yang berkekalan pada kehidupan pelajar mereka.

Pesta Sta Anna di Alor Gajah ajak umat bertumbuh melalui ketakwaan

ALOR GAJAH, Melaka: Pesta Sta Anna membawa umat Katolik di Alor Gajah menghayati tema "Berubah melalui Kurniaan Tuhan".

Umat Bahasa dari Chapel Corpus Christi Kem Terendak telah berpeluang melayani dalam Misa Kudus Bahasa Malaysia pada hari keenam yang bertema, "Bertumbuh Melalui Ketakwaan."

Misa Kudus dipimpin oleh Fr

Moses Rayappan selaku Paderi Paroki yang menyeru umat agar meneladani Raja Salomo hanya meminta rahmat kebijaksanaan daripada Tuhan agar dapat memerintah negaranya dengan bijak.

Paderi itu juga memberi beberapa sarana bagaimana umat dapat bertumbuh dalam ketakwaan iaitu dengan memiliki kerinduan dan keinginan untuk mahu mendekati Tuhan, selalu

bertemu dengan Tuhan melalui doa, membaca sabda-Nya dan meraikan Ekaristi.

Pada akhir homilinya, Fr Moses mengulas kembali Injil, "Kita semua mencari sesuatu dalam hidup kita dan bila kita menemukan harta yang paling indah dan terbaik iaitu kerajaan Tuhan, kita akan menyedari bahawa harta lain di dunia, tidak standing dengan harta kerajaan Tuhan." — *Kiang Nireh*



Uskup Cornelius bersama umat Gereja St Petrus, Apin-Apin, Keningau.

Gereja St Petrus sambut ulang tahun ke-51

APIN-APIN, Keningau: "30 tahun kita telah berjalan bersama sebagai umat Keuskupan Keningau dan setiap kali kita merayakan Ulang Tahun Keuskupan Keningau (UTK), saya akan mengingatkan anda agar hidup dalam "kekitaan", atau berjalan bersama," kata Uskup Cornelius Piong ketika menyampaikan homili sempena Misa Kudus di Gereja St Petrus, Kg Rantai, Bundu.

Pada hari tersebut, tiga perayaan sukacita diraikan serentak Ulang Tahun Keuskupan Keningau peringkat Zon Apin-Apin, Ulang Tahun Pentahbisan Uskup Cornelius Piong dan Ulang Tahun Gereja St Petrus yang ke 51 tahun.

Uskup Cornelius mengimbas kembali nostalgia semasa baru dilantik sebagai Uskup Keuskupan Keningau pada tahun 1993.

Prelatus itu agak risau bagaimana menggembala umat di Keuskupan Keningau. Beliau mendapat inspirasi dari kehidupan awal komuniti Kristian (KPR 2).

"Para komuniti Kristian perdana hidup bersama, makan bersama dan berdoa bersama, memberi inspirasi hebat kepada saya bahawa

kesatuan diutamakan dalam menggembala umat di Keuskupan Keningau," kata Uskup Cornelius.

Penekanan kesatuan itu jelas terungkap dalam corak *Nantuapan* pada logo Keuskupan Keningau.

Nantuapan, corak yang berasal dari suku kaum Murut digunakan untuk membawa lambang Salib, Ekaristi dan perjamuan Ekaristi yang dikelilingi oleh umat.

Selepas Misa, Bapa Uskup memberkati Grotto dan patung Sto Petrus di gereja tersebut.

Prelatus itu juga menyempurnakan gimik perasmian perayaan tiga-dalam-satu itu dengan menanam pokok avokado berdekatan dengan gereja.

Kemudian, Uskup Cornelius dibawa melawat pondok-pondok tradisional dan mencuba hidangan yang disediakan.

Selain cabutan tiket bertuah, persembahan-persembahan tarian dari pelbagai komuniti umat Katolik Zon Apin-Apin turut mewarnai perayaan tersebut. — *Juanis Marcus*



Paderi baharu disambut dengan tarian Pahlawan

PAPAR: Selepas sahaja ditahbis pada Julai 22, 2023, paderi dari kongregasi *St Joseph's Missionary Society of Mill Hill* kedua di Sabah, Fr Elvost Lunchi, tidak dapat duduk diam kerana sering merayakan Misa Kudus di dalam dan luar daerah Papar.

Pada Julai 28, beliau memimpin Misa Kudus di Chapel St Sabina, Kg Titimbungon, Papar.

Ada dua sebab mengapa paderi baharu ditahbis itu mahu mengadakan Misa di chapel yang

berusia 47 tahun itu.

Pertama katanya, ibu bapanya telah menerima Sakramen Perkahwinan di chapel tersebut.

Sebab yang kedua ialah untuk menghormati Mother General FSIC iaitu Sr Frances Mani, ibu rohani Fr Elvost, yang juga berasal dari Chapel St Sabina.

Kedatangan Fr Elvost disambut dengan tarian Pahlawan oleh Komiti Migran Maria, Ratu Damai dan tarian sumazau dari Komiti Ibu-ibu Katolik St Sabina.